

## FALSAFAH PENTADBIRAN KEADILAN JENAYAH SYARIAH: SATU PENGHAYATAN SEMULA

*(The Philosophy of the Administration of Syariah Criminal Justice:  
A Reappraisal)*

Haji Daud Muhammad<sup>1</sup>  
daud@esyariah.gov.my

Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kelantan,  
Aras 1 Bangunan JAHEIK,  
Kompleks Islam Darul Naim,  
15200 Kota Bharu, Kelantan, MALAYSIA.

### Abstrak

Makalah ini dinukilkan untuk meletakkan asas kepada penilaian terhadap pentadbiran keadilan jenayah syariah. Pentadbiran keadilan jenayah syariah perlu berpaksi kepada al-Quran dan Sunnah dan bertujuan mencapai kebahagiaan di dunia dan akhirat. Asas ini dapat dikenal pasti dengan melihat kepada matlamat utama syariah yang juga disebut sebagai *maqasid al-syariah*. Menegakkan keadilan ialah matlamat asas syariah yang memerlukan pelantikan hakim yang bertakwa di samping arif dalam syariah. Makalah ini merumuskan bahawa kebenaran dan keadilan yang pasti adalah berdasarkan acuan Islam dan perlu dipastikan pentadbiran keadilan jenayah syariah mengikut acuan ini.

Kata kunci: pentadbiran keadilan, *maqasid*, hak asasi, penyiasatan, hukuman

### Abstract

*This article is written as a basis for the evaluation of the administration of the shariah criminal justice. The administration of shariah criminal justice must be anchored on the Quran and the sunnah and administered for the sake of success in this world and the hereafter. This basis may be determined by looking at the main objectives of the Shariah, also known as *maqasid al-shari'ah* (high intent of law). To uphold justice is one of the basic objectives of Shariah, and requires the appointment of judges who are steadfast in their faith as well as knowledgeable in the shariah. This article concludes that truth and justice must be based on the Islamic mould, and that it is necessary to ensure that the administration of shariah criminal justice follows this mould.*

---

1 Ketua Hakim Syarie Negeri Kelantan.

*Keywords: administration of justice, maqasid, fundamental rights, investigation, punishment*

## PENDAHULUAN

Jika pentadbiran melibatkan aspek keislaman atau disebut sebagai sistem pentadbiran Islam, maka keperluan utamanya ialah pembentukan pentadbiran yang menyeluruh dengan mengguna pakai aspek syariat<sup>2</sup> Islam. Dengan kata lain, pentadbiran Islam bertujuan mencapai kebahagiaan di dunia dan akhirat bagi masyarakat manusia berpandukan al-Quran dan Sunnah. Oleh sebab itulah sistem pentadbiran Islam perlu dibezakan daripada pentadbiran moden kerana sistem pentadbiran Islam berpaksikan semangat syariat dalam merealisasikan matlamat dan objektifnya. Sistem pentadbiran Islam berdasarkan prinsip yang penting, iaitu syariah yang diturunkan Allah SWT kepada manusia. Syariat Allah ini bebas untuk semua umat, dan diberi kelonggaran kepada setiap individu untuk melaksanakannya berdasarkan kesedaran nurani dan keimanan mengikut keharusan yang digariskan oleh syarak.<sup>3</sup>

Allah SWT telah menerangkan kepada kita dalam al-Quran bahawasanya syariat Islam itu didatangkan sebagai cara hidup dan pegangan untuk diikuti. Hal ini menunjukkan kepada kita bahawa kehidupan dan sistem pentadbiran hanyalah berpaksikan syariat Islam.

٤ الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتَمَّتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي  
 وَرَضِيَتُ لَكُمُ الْإِسْلَامَ دِينَ

2 Ibnu Abbas r.a. mentafsirkannya dengan “petunjuk yang jelas”. Qatadah mentafsirkannya sebagai “ketetuan-ketetuan, batasan-batasan, perintah dan larangan”. Ibnu Zaid mentafsirkannya sebagai “din” (agama)- Ath Thabari, 1954. *Jami’ Al Bayan*. Cetakan ke-2, XXII. Kaherah: Dar Al Ma’arif, hlm. 146-47, manakala Fakhrurozi mentafsirkannya dalam bentuk definisi iaitu : “Apa-apa yang ditetapkan Allah SWT atas para mukallaf (orang yang wajib melaksanakan hukum Allah Taala) supaya mereka ikuti.”- Fakhrurozi, *Al-Tafsir Al Kabir*. Cetakan ke-2. Tehran: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyah, hlm. 12. Al-Thahanawi juga mengemukakan definisi yang sama, iaitu: “Syariat ialah hukum-hukum yang disyariatkan Allah Taala untuk hamba-hamba-Nya yang disampaikan oleh salah seorang nabi daripada nabi-nabi (sallallahu ‘alaihim dan sallallahu ‘ala nabiyyina wa sallam), baik hukum tersebut mengenai amal perbuatan mahupun mengenai akidah.”- Dr. Muh. Yusuf Musa, 1954. *Al-Fiqh Al Islami*. Kaherah: Dar al-Kutub al- Haditsah, hlm. 8.

3 Al-Buraey, Muhammad A., 1998. *Administrative Development: An Islamic Perspective*. London: Kegan Paul International, hlm.235.

4 *Surah al-Maidah* (5:3).

Maksud: *Pada hari ini telah Kusempurnakan untuk kamu agamamu, dan telah Kucukupkan kepadamu nikmat-Ku, dan telah Kuredai Islam itu jadi agama bagimu.*

Namun begitu, Sayyid Qutb dalam membicarakan hakikat masyarakat Islam mengatakan:<sup>5</sup> “Sistem masyarakat Islam itu bersumberkan akidah Islam dan ditentukan polanya oleh syariat Islam, maka dalam penyegaran dan pertumbuhannya sistem itu haruslah tunduk kepada sumbernya dan kepada syariat Islam yang menentukan bentuknya.” Oleh hal yang demikian, walaupun Islam memberikan kelonggaran kepada setiap individu, dan bebas untuk semua umat bagi melaksanakannya tetapi haruslah mengikuti keharusan yang digariskan oleh syarak kerana polanya berlandaskan syariat Islam.

Apabila kita menyentuh salah satu aspek dalam pentadbiran Islam itu sendiri, seperti jenayah syariah dari sudut operasi pentadbiran keadilan terutamanya berkenaan penguatkuasaan, pendakwaan dan hukumannya, sudah tentu menyentuh keseluruhan aspek keperluan kehidupan manusia itu sendiri. Menurut fuqaha, jenayah syariah mencakupi kesalahan yang melibatkan nyawa, tubuh badan, agama, harta benda, akal fikiran, nasab dan sebagainya. Semua kesalahan ini wajib dikenakan hukuman, seperti *hadd*, *qisas*, *diat* dan *takzir* yang merupakan sebahagian daripada syariat Allah SWT yang wajib dijunjung, diamalkan dan dipertahankan oleh Muslim. Oleh itu, Allah SWT menyifatkan golongan yang menolak dan melanggar peraturan yang ditetapkan Allah SWT termasuk dalam kategori orang yang zalim. Firman Allah SWT:

وَمَنْ يَتَعَدَّ حُدُودَ اللَّهِ فَأُولَئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ<sup>6</sup>

Maksud: *Dan sesiapa yang melanggar aturan-aturan hukum Allah maka mereka itulah orang-orang yang zalim”*

Konsep membela dan mempertahankan agama Islam tidak terbatas dalam erti kata mengamalkan dan mempertahankan akidah, peraturan ibadah, nikah cerai dan muamalat sahaja. Konsep ini merupakan cara hidup yang merangkumi segala aspek kehidupan manusia sama ada dari sudut pelaksanaan pemerintahan kerajaan, pentadbiran keadilan mahupun kehakiman yang telah digariskan oleh Allah SWT melalui al-Quran dan al-Sunnah Rasulullah SAW sebagai rujukan untuk mengendalikan segala urusan hal ehwal manusia.

5 Sayyid Qutb, 1975. *Masyarakat Islam*. Bandung: PT al-Ma’arif, hlm. 166.

6 Surah al-Baqarah (2:229).

Dari sudut sejarah pentadbiran Islam, negara Islam pertama ditubuhkan pada zaman Rasulullah SAW. Penghijrahan Nabi dari Mekah ke Madinah membuka lembaran sejarah dalam dunia politik Islam. Dalam tempoh sepuluh tahun penubuhan Madinah, banyak perubahan berlaku dari segi pentadbiran. Masyarakat Arab Jahiliah sebelumnya hidup dalam organisasi kecil yang berpuak-puak yang terpisah daripada kemajuan.<sup>7</sup> Namun demikian, kedatangan Rasulullah SAW telah membangunkan Madinah. Pembangunan Madinah bermula dengan penubuhan sebuah masjid. Selain dijadikan tempat ibadah, masjid digunakan sebagai bangunan rasmi pentadbiran, tempat pemimpin dan rakyat berjumpa dan berkumpul bersama-sama.<sup>8</sup>

Al-Buraey menyatakan bahawa al-Quran tidak menyebut secara khusus tentang apa itu pentadbiran, namun beliau menggunakan bahasa Arab, iaitu *yudabbiru'* yang bermaksud mengarah, mengemudi, mengatur, mengawal, bertugas, mengurus dengan baik, serta berekonomi apabila membuat perancangan dan perniagaan.<sup>9</sup>

Sesuatu yang dapat dirumuskan berdasarkan perbincangan ini ialah sistem pentadbiran Islam berdasarkan prinsip yang penting, iaitu syariah yang sumbernya daripada Allah SWT dan bebas untuk semua umat, diberi kelonggaran kepada setiap individu untuk melaksanakannya mengikut keharusan yang digariskan oleh syarak.<sup>10</sup>

## MATLAMAT UTAMA SYARIAH

Sesuatu yang ditetapkan dan diwujudkan oleh Allah SWT mengandungi tujuan dan hikmah. Segalanya demi kebaikan dan kemaslahatan manusia itu sendiri. Untuk memahami hakikat ini, Allah SWT memerintahkan agar manusia bertafakur dan bertadabbur melihat hikmah di balik segala yang diciptakan. Allah SWT menciptakan manusia dengan tujuan menjadikan mereka sebagai khalifah di muka bumi. Firman Allah SWT :

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ إِنِّي جَاعِلٌ فِي الْأَرْضِ خَلِيفَةً قَالُوا أَتَجْعَلُ  
فِيهَا مَن يُفْسِدُ فِيهَا وَيَسْفِكُ الدَّمَاءَ وَخَنْثُ سُسَيْحٌ يَحْمِدُكَ وَتُنَقَّدُ  
لَكَ قَالَ إِنِّي أَعْلَمُ مَا لَا تَعْلَمُونَ

<sup>7</sup> Ibn Khaldun, 1970. *Al-Muqaddimah*. Beirut: Dar al-Qur'an. hlm. 82.

<sup>8</sup> Kamal Salamah al-Diqs, 1994. *Dawlah al-Rasul min al-Takwin ila al-Tamkin*. `Amman: Dar 'Ammar, hlm. 435.

<sup>9</sup> Al-Buraey, Muhammad A, 1998. *Administrative Development : An Islamic Perspective*. London: Kegan Paul International, hlm.6.

<sup>10</sup> Al-Buraey, Muhammad A, 1998. *Administrative Development: An Islamic Perspective*. London: Kegan Paul International, hlm.235.

Maksud: *Ingatlah ketika Tuhanmu berfirman kepada para malaikat: “Sesungguhnya aku hendak menjadikan seorang khalifah di muka bumi.” mereka berkata: “Mengapa Engkau hendak menjadikan (khalifah) di bumi itu orang yang akan membuat kerusakan padanya dan menumpahkan darah, Padahal kami senantiasa bertasbih dengan memuji Engkau dan mensucikan Engkau?” Tuhan berfirman: “Sesungguhnya aku mengetahui apa yang tidak kamu ketahui.”<sup>11</sup>*

Oleh itu, bagi membantu manusia melaksanakan tanggungjawabnya sebagai khalifah, Allah SWT menurunkan syariatnya yang wajib dipatuhi. Setiap pensyariatan itu mengandungi hikmah yang dapat difahami secara jelas. Terdapat juga yang tidak dapat dijelaskan melalui akal manusia dan menjadi rahsia Allah SWT. Tujuan atau matlamat inilah yang disebut sebagai *maqasid al-syariah*, iaitu tujuan dan matlamat yang dikehendaki oleh Allah SWT dalam setiap hukum atau sebahagian besar daripadanya. Sesungguhnya Allah SWT mensyariatkan sesuatu hukum untuk memelihara kemaslahatan manusia dengan membuka ruang manfaat kepada mereka dan mengangkat kemudaratan.

*Maqasid al-syariah* juga dapat dijejaki menerusi ayat al-Quran. Kita akan mendapati setiap suruhan dan perintah Allah SWT diakhiri dengan penerangan tentang *maslahah* (kebaikan) yang akan diperoleh oleh mereka yang melaksanakannya. Begitu juga ayat yang menyentuh tentang larangan yang kebiasaananya akan diakhiri dengan peringatan tentang *mafsadah* (keburukan) yang akan menimpa mereka yang melakukannya.

Sebagai contoh dalam persoalan solat, Allah SWT jelas menyatakan matlamat daripada pensyariatannya adalah untuk mencegah manusia daripada melakukan maksiat dan penderhakaan kepada Allah SWT dalam kehidupan mereka. Firman Allah SWT:

اَتُلِّ مَا اُوْجِيَ إِلَيَّكَ مِنَ الْكِتَابِ وَأَقِمِ الصَّلَاةَ ۖ ۖ إِنَّ الصَّلَاةَ تَنْهَىٰ عَنِ  
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ ۖ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ ۖ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ<sup>12</sup>

Maksudnya: “Bacalah apa yang telah diwahyukan kepadamu, iaitu *al-kitab* (*al-Quran*) dan dirikanlah solat. Sesungguhnya solat itu mencegah daripada (perbuatan) keji dan mungkar dan sesungguhnya mengingati Allah (solat) adalah lebih besar (keutamaannya daripada ibadat yang lain). Allah mengetahui apa yang kamu kerjakan”.

11 Surah al-Baqarah (2:30).

12 Surah al-Ankabut (29:45).

Beginu juga dari sudut undang-undang, Islam menjelaskan objektif di balik pensyariatan qisas terhadap mereka yang melakukan pembunuhan secara sengaja. Firman Allah SWT:

<sup>13</sup> وَلَكُمْ فِي الْقَصَاصِ حَيَاةٌ يَا أُولَئِكَ الَّذِينَ تَنَقَّوْنَ

Maksudnya: “*Dan dalam qisas itu ada (jaminan kelangsungan) hidup bagimu, hai orang-orang yang berakal, supaya kamu bertakwa*”

## MATLAMAT PENTADBIRAN KEADILAN JENAYAH SYARIAH

Islam merupakan cara hidup lengkap yang mengawal segala gerak laku manusia untuk mengarah manusia melakukan keadilan yang tulen. Islam menghendaki supaya keadilan itu dicapai dalam setiap aspek kehidupan manusia, bermula pada peringkat pembinaan individu, keluarga, masyarakat sehingga pada peringkat pengurusan negara seperti dalam bidang kehakiman, pentadbiran dan pelaksanaan undang-undang di sebuah negara tersebut.

Dalam *maqasid al- syariah*, satu daripada matlamat asasnya adalah untuk menegakkan keadilan di muka bumi. Oleh sebab itu, ketika Rasulullah SAW mentadbir kerajaan, Baginda SAW telah melantik hakim (*qadhi*) yang terdiri daripada mereka yang bertakwa kepada Allah SWT, warak dan tidak lemah keimanannya, di samping arif dalam hal syariah. Oleh itu, Islam sangat mementingkan keadilan dalam kehidupan manusia sehingga dalam pelantikan jawatan *qadhi*, ditentukan orang yang dilantik mestilah warak, serta arif dengan hukum syariah yang dapat memberikan pengadilan secara telus bersumberkan wahyu.

Keadilan dalam Islam terkenal dengan takrifan “meletakkan sesuatu pada tempatnya yang hak”. Islam menekankan kesaksamaan dan bukan kesamaan mutlak seperti yang berlaku pada falsafah sosialisme. Islam juga memberikan kebebasan kepada individu selagi tidak bertentangan dengan kepentingan masyarakat. Dalam konflik seperti ini, Islam mengutamakan kepentingan masyarakat berbanding dengan kepentingan individu. Falsafah ini juga bertentangan dengan kapitalisme yang memberikan kebebasan penuh kepada individu. Keadilan dalam Islam juga bebas daripada sebarang pengaruh termasuk status sosial, pangkat, kekayaan, keturunan ilmu, mahu pun tali persaudaraan. Pada umumnya, keadilan perlu dipertahankan tanpa sebarang kompromi. Allah SWT telah berfirman:

---

13 Surah al- Baqarah (2:179).

14

قَدْ أَرْسَلْنَا رُسُلَنَا بِالْبَيِّنَاتِ وَأَنْزَلْنَا مَعَهُمُ الْكِتَابَ وَالْمِيزَانَ لِيَقُومَ  
النَّاسُ بِالْقِسْطِ ۖ وَأَنْزَلْنَا الْحَدِيدَ فِيهِ بَأْسٌ شَدِيدٌ وَمَنَافِعٌ لِلنَّاسِ  
وَلِيَعْلَمَ اللَّهُ مَنْ يَنْصُرُهُ وَرُسُلُهُ بِالْغَيْبِ ۚ إِنَّ اللَّهَ قَوِيٌّ عَزِيزٌ

Maksud: “Sesungguhnya Kami telah mengutus rasul-rasul Kami dengan membawa bukti-bukti yang nyata dan telah Kami turunkan bersama mereka al-kitab dan neraca (keadilan) supaya manusia dapat melaksanakan keadilan.”

Ayat ini menegaskan bahawa penentuan keadilan adalah berdasarkan kitab Allah SWT dan sunnah Rasulullah SAW. Keadilan itu wajib ditegakkan walaupun terpaksa dan sukar untuk dilaksanakan disebabkan kekangan daripada golongan yang zalim dan tidak bertanggungjawab. Dalam al-Quran Allah SWT menegaskan sekali lagi melalui ayat ini:

وَإِنْ كَلَّا فَتَانَ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ افْتَنَتُهُوا فَأَصْلِحُوهَا بَيْنَهُمَا ۖ قَالَ بَعْثَتْ<sup>15</sup>  
إِخْدَاهُمَا عَلَى الْأُخْرَى فَقَاتَلُوا الَّتِي تَبَيَّنَ حَقَّهُ تَقْيَةً إِلَى أَمْرِ اللَّهِ ۝  
قَالَ فَاعْتَدْ فَأَصْلِحُوهَا بَيْنَهُمَا بِالْعَدْلِ وَأَقْسِطُوهَا ۖ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ  
الْمُقْسِطِينَ

Maksud: “Dan jika dua puak daripada orang-orang yang beriman itu berperang, maka damaikanlah antara keduanya, jika salah satunya berlaku zalim terhadap yang lain, maka lawanlah puak yang zalim itu sehingga dia kembali mematuhi perintah Allah SWT. Jika dia kembali patuh maka damaikanlah antara kedua-duanya dengan adil (menurut hukum Allah) serta berlaku adillah kamu dalam segala perkara. Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berlaku adil.”

Dalam Surah al-Nisa' Allah SWT sekali lagi memberikan peringatan supaya menghakimi sesuatu secara adil.

“Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menyampaikan amanat kepada yang berhak menerimanya, dan (menyuruh kamu) apabila menetapkan hukum antara manusia supaya kamu menetapkan dengan adil. Sesungguhnya Allah memberikan pengajaran yang sebaik-baiknya kepadamu. Sesungguhnya Allah Maha mendengar lagi Maha melihat.”<sup>16</sup>

14 Surah al-Hadid (57:25).

15 Surah al-Hujurat (49:9).

16 Surah al-Nisa'(4:58).

## Bidang Kuasa Mahkamah Syariah

Bidang kuasa mahkamah syariah sekarang berasaskan peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan.<sup>17</sup> Walaupun begitu, bidang kuasa jenayah mahkamah syariah terikat dengan Akta Mahkamah Syariah<sup>18</sup> yang mengehadkan hukuman yang boleh dikenakan oleh mahkamah syariah. Akta tersebut memberikan kuasa kepada mahkamah mengenakan hukuman penjara tidak melebihi tiga tahun, denda tidak melebihi RM5000 sebat tidak melebihi enam sebatan atau gabungan hukuman tersebut.

Kesalahan berhubung dengan bidang kuasa jenayah itu dibahagikan kepada enam kategori:

- (1) Kesalahan berhubung dengan seks seperti zina, liwat, perbuatan sumbang, melacurkan diri, *musahaqah* (مساھقة) dan hamil luar nikah.
- (2) Kesalahan yang berhubung dengan minuman yang memabukkan seperti arak, menjual arak dan membeli arak.

Hukuman yang diperuntukkan bagi kesalahan tersebut walau bagaimanapun tidak selari dengan hukuman yang disyariatkan dalam Islam. Seperti minum minuman yang memabukkan dihukum dengan hukuman tidak melebihi tiga tahun penjara atau denda RM5000 atau enam sebatan atau gabungan ketiga-tiga hukuman tersebut.<sup>19</sup>

- (3) Kesalahan yang berhubung dengan aspek rukun Islam seperti tidak berpuasa pada bulan Ramadan dan tidak membayar zakat fitrah.
- (4) Kesalahan dari aspek akidah, seperti ajaran salah, memberi pengajaran dan penerangan yang berlawanan dengan hukum syarak dan menukar agama.
- (5) Kesalahan matrimoni seperti tidak memberikan nafkah kepada isteri dan anak-anak, tidak taat kepada suami, menceraiakan isteri tanpa kebenaran mahkamah, melesapkan harta isteri, tidak memberikan keadilan kepada isteri dan tidak bermuasyarah dengan isteri.
- (6) Pelbagai kesalahan lain yang tidak termasuk dalam kesalahan kategori di atas seperti pondan, melarikan isteri orang, melarikan perempuan,

17 Jadual 9 senarai 2 Perlembagaan Persekutuan.

18 Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 pindaan 1984.

19 Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965

mengeji pegawai hal ehwal Islam sewaktu menjalankan tugas, ingkar perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan berhubung dengan perkara agama.

Dalam syariah Islam pula, kesalahan jenayah itu dibahagikan kepada tiga kategori hukuman:

- (1) Kesalahan hudud.
- (2) Kesalahan qisas.
- (3) Kesalahan takzir.

Dalam undang-undang jenayah syariah yang mengkanunkan hukuman hudud<sup>20</sup>, qisas<sup>21</sup>, diat dan takzir<sup>22</sup> bertujuan untuk mencapai *maqasid al-syariah* (مقاصد الشريعة) atau menjaga prinsip perundangan Islam yang tertakluk di bawahnya lima perkara (الخمس الضروريات) yang menjadi hak asasi setiap manusia tidak kira bangsa dan keturunan dan di mana jua mereka berada sepanjang masa sehingga hari kiamat (undang-undang jenayah syariah sesuai pada setiap masa dan tempat). Lima perkara tersebut adalah seperti yang berikut:

(1) Menjaga agama

Menjaga agama merupakan salah satu kemuliaan yang dikurniakan Allah kepada manusia. Oleh itu, akidah orang Islam mestilah dibetulkan dan dijaga agar tidak terpesong daripada akidah yang sebenar.

(a) Sesiapa yang melakukan sesuatu perbuatan atau mengeluarkan sesuatu perkataan yang membawa kepada kekufturan dan dia tidak

- 
- 20 Al-Mawardi mendefinisikan hudud sebagai sekatan atau deraan yang ditentukan oleh Tuhan sebagai balasan (hukuman) kerana melakukan perkara yang ditegah dan meninggalkan perkara yang diperintah, kerana tabiat semula jadi manusia yang dikuasai oleh nafsu yang melalaikan daripada seksaan akhirat dengan semata-mata mengejar kelazatan dunia yang cepat. Al-Mawardi, al-Ahkam al-Sultaniyyah, hlm. 221). Abdul Qadir Audah pula mengatakan pelaksanaan hukum hudud ini adalah wajib dan dikira sebagai hak Allah. Maksud hak Allah ialah seksaan itu tidak boleh digugurkan (dimaafkan) sama ada oleh individu atau masyarakat. – (Abdul Qadir Audah, *Al-Tasyri' al-Jinai al-Islami*, hlm. 78 ).
- 21 Mengikut para fuqaha kesalahan qisas merupakan kesalahan terhadap nyawa dan tubuh badan manusia. Secara terperincinya dapat dikategorikan seperti yang berikut: 1) Kesalahan terhadap nyawa, iaitu membunuh 2) Kesalahan terhadap tubuh badan, iaitu melukakan atau mencederakan 3) Kesalahan terhadap nyawa dari satu aspek dan tubuh badan dari aspek yang lain, iaitu kesalahan terhadap anak dalam kandungan- (Abd al-Qadir ‘udah (1968), *op.cit*, Jilid 2, hlm. 5; Muhammad Abu Zahrah, *al-Jarimah wa al-Uqubah*. Jilid 1. Kaherah: Dar al-Fikr al-Arabi, hlm. 104)
- 22 Kesalahan takzir ialah kesalahan yang boleh dihukum dengan hukuman takzir. Kesalahan ini telah dikelaskan oleh para fuqaha kepada beberapa kategori, iaitu: (1) perbuatan maksiat, iaitu yang diharamkan oleh Syara’ (2) Perbuatan atau tinggalan yang tidak wajar, iaitu betentangan dengan sifat-sifat murni— (Abdul Qadir Audah, *al-Tasyri' al-Jinai al-Islami*, hlm.128 ).

tahu maksud perbuatan atau perkataan itu tidak boleh dikenakan hukuman hudud kerana murtad.

(b) Untuk menghukumkan seseorang Islam itu menjadi murtad bukan hanya dengan melakukan perbuatan atau mengeluarkan kata-kata yang membawa kepada kekufturan tetapi mestilah juga disertai dengan niat di hati untuk menjadi kafir.

(c) Seorang Islam yang telah murtad (keluar daripada agama Islam) wajib dibunuh tanpa perbezaan sama ada lelaki atau perempuan, tua atau muda.

(d) Hukuman ini berdalikan hadis Rasulullah SAW yang diriwayatkan daripada Ibnu Abbas r.a.:

من بدل دينه فاقتلوه

(رواه البخاري)

Maksudnya: “Sesiapa yang menukar agamanya (murtad) maka bunuhlah dia.”

#### (2) Menjaga jiwa dan nyawa

Menjaga jiwa dan nyawa termasuk juga menjaga anggota badan daripada dicederakan dan dirosakkan bermakna memberikan hak seseorang manusia hidup dalam keadaan aman dan tenteram tanpa menimbulkan sebarang ketakutan dan kebimbangan. Dalam kanun jenayah syariah, hukuman bagi menjaga jiwa atau nyawa dan kecederaan tubuh badan diletakkan di bawah hukuman qisas.

#### (3) Menjaga akal fikiran

Menjaga akal fikiran adalah dengan menjaganya daripada rosak seperti mabuk dan sebagainya yang menjadi beban kepada diri sendiri, keluarga dan masyarakat serta menjadi sebab timbulnya jenayah. Oleh itu, dalam Islam, pemimum arak dan seumpamanya mestilah dihukum mengikut hukuman yang telah ditetapkan dalam kanun jenayah syariah yang disebut *syurb* (شرب).

#### (4) Menjaga keturunan/maruah

Menjaga nasab atau keturunan adalah dengan menjaga pergaulan supaya tidak berlaku perzinaan yang akan menghasilkan anak yang tidak mempunyai keturunan yang sah. Begitu juga dilarang seseorang menuduh seseorang lain berzina tanpa bukti yang kukuh, dan tuduhan palsu (قذف) ini hendaklah dikenakan hukuman sebagaimana yang diperuntukkan dalam kanun jenayah syariah.

## (5) Menjaga harta benda

Menjaga harta dengan tujuan untuk mengawal dan melindungi hak dan harta benda seseorang daripada dicuri, dirompak, ditipu dan sebagainya dengan mengenakan hukuman terhadap pesalah sebagaimana yang ditetapkan dalam kanun jenayah syariah yang diistilahkan sebagai *sariqah* (سرقة).

Namun begitu, falsafah pentadbiran keadilan jenayah syariah di Malaysia yang ada pada hari ini hanya boleh dikategorikan sebagai hukuman takzir sahaja di bawah enakmen kanun jenayah syariah negeri-negeri. Hukumannya terserah kepada pemerintah untuk menentukannya. Perjalanan keadilan penguasaan, pendakwaan dan penghakimannya, digariskan dan dihuraikan satu persatu di bawah dua enakmen atau Akta bagi Wilayah-wilayah Persekutuan, iaitu Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Kelantan 2002) dan Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Kelantan 2002).

Mengikut peruntukan yang dijelaskan dalam Enakmen Tatacara Jenayah Syariah<sup>23</sup> ialah:

- i. peruntukan berhubung dengan Mahkamah Jenayah Syariah dan bidang kuasanya;
- ii. dari hal maklumat kepada hakim dan pegawai penguat kuasa;
- iii. dari hal penangkapan;
- iv. waran geledah;
- v. prosiding dalam pendakwaan;
- vi. dari hal pertuduhan;
- vii. dari hal perbicaraan;
- viii. dari hal cara mengambil dan merekod keterangan dalam perbicaraan;
- ix. dari hal penghakiman;
- x. dari hal rayuan;
- xi. hukum syarak;

Dalam seksyen 230 terdapat satu peruntukan yang khusus untuk menjaga hukum syarak supaya tidak lari daripada perkara yang digariskan oleh ahli perundangan Islam. Seksyen 230 (1) menyatakan:

- (1) Mana-mana peruntukan atau tafsiran peruntukan di bawah Enakmen ini yang tak konsisten dengan hukum syarak hendaklah terbatal setakat yang tak konsisten itu.
- (2) Jika terdapat lakuna atau jika apa-apa perkara tidak diperuntukkan dengan nyata oleh Enakmen ini, mahkamah hendaklah memakai hukum syarak.

23 Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Kelantan 2002).

## KEPENTINGAN MELIHAT PENTADBIRAN KEADILAN DARI KACA MATA SYARIAH BERBANDING BARAT

Syariat Islam diturunkan oleh Allah SWT kepada Nabi Muhammad SAW dalam bentuk lafaz (al-Quran) dan juga makna tanpa lafaz, iaitu al-Sunnah. Hal ini bertentangan dengan undang-undang yang dicipta manusia kerana undang-undang bersumberkan akal fikiran manusia semata-semata, manakala syariat Islam dan sistem perundangan Islam bersumberkan Pencipta segala manusia.

Maka, didapati bahawa syariat Islam terhindar daripada segala kekurangan dalam bentuk yang didasari oleh hawa nafsu dan sebagainya, sedangkan undang-undang ciptaan manusia sering mempunyai kekurangan dan kelemahan lantaran kejahilan dan kekurangan yang ada pada diri manusia.

Setiap manusia, tidak kira dalam kalangan yang memerintah ataupun yang diperintah, akan merasai hikmah bagi setiap perintah Allah SWT apabila dia menghayati sebenar-sebenarnya syariat Islam serta *maqasid al-syariah*. Ciri-ciri ini wujud hasil daripada sumber, iaitu Pencipta yang mengetahui fitrah setiap kejadian manusia.

Undang-undang ciptaan manusia pula tidak pernah menyamai syariat Islam dari sudut ini. Tiada baginya suatu bentuk kekuatan dan kekuasaan untuk membuatkan seseorang benar-benar taat kepada perintah undang-undang sebegini. Seseorang akan cuba mencari jalan untuk menghindarkan dirinya daripada dikongkong dan dikuasai oleh undang-undang ciptaan manusia ini. Sebagai contoh, undang-undang jalan raya ialah undang-undang yang dicipta oleh manusia. Disebabkan tiadanya roh syariat Islam dalam undang-undang ini, maka undang-undang jalan raya ini sentiasa dilanggar oleh manusia apabila dia mempunyai kesempatan atau peluang.

Allah SWT telah menciptakan sesuatu sesuai dengan fitrah kejadian manusia, kerana Dia Maha Mengetahui keadaan dan sifat yang ada pada diri manusia. Ahmad Fathi<sup>24</sup> memberikan satu misalan berkaitan dengan ciri-ciri syariat Islam ini. Misalnya, orang Arab pada zaman jahiliah mempunyai kegemaran meminum arak dan perbuatan ini merupakan satu tradisi. Bagi mereka, arak merupakan minuman asasi dan menjadi adat yang dipusakai sejak turun-temurun. Apabila syariat Islam diturunkan, Allah SWT tidak menegah secara terus, malah pertamanya Allah SWT menyebut tentang

24 Ahmad Fathi Bahnasi, 1983. *Al-Siyāsah al-Jina 'iyah Fi al-Syar 'iyah al-Islamiyah*. Kaherah: Dar al-Syuruq. (1403-1983M).

dosa arak yang lebih besar daripada manfaatnya. Dalam al-Quran Allah SWT menyebut:

يَسْأَلُونَكَ عَنِ الْحُمْرِ وَالْمَيْسِرِ ۝ قُلْ فِيهِمَا إِثْمٌ كَبِيرٌ وَمَنَافِعٌ لِلنَّاسِ  
وَإِثْمُهُمَا أَكْبَرٌ مِنْ نَفْعِهِمَا<sup>25</sup>

Maksud: “Mereka bertanya kepadamu (wahai Muhammad) mengenai arak dan judi. Katakanlah: pada kedua-duanya ada dosa besar dan ada pula beberapa manfaat bagi manusia tetapi dosa kedua-duanya lebih besar daripada manfaatnya”.

Kemudian Allah SWT mengajar mereka dengan menurunkan wahyu yang melarang perbuatan meminum arak ketika hendak mengerjakan solat.

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَقْرَبُوا الصَّلَاةَ وَأَنْتُمْ سُكَارَىٰ حَتَّىٰ تَعْلَمُوا مَا  
تَقُولُونَ<sup>26</sup>

26 Maksud: “Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mendekati solat ketika kamu dalam keadaan mabuk, sehingga kamu sedar apa yang kamu katakan”.

Akhirnya, Allah SWT memerintahkan secara wajib supaya meninggalkan perbuatan ini hingga hari kiamat melalui ayat ini:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِنَّمَا الْحُمْرُ وَالْمَيْسِرُ وَالْأَنْصَابُ وَالْأَرْلَامُ  
رِجْسٌ مِنْ عَمَلِ الشَّيْطَانِ فَاجْتَنِبُوهُ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ<sup>27</sup>

Maksud: “Hai orang-orang yang beriman, sesungguhnya (meminum) khamar, berjudi, (berkorban untuk) berhala, mengundi nasib dengan panah, adalah termasuk perbuatan syaitan. Maka jauhilah perbuatan-perbuatan itu mudah-mudahan kamu mendapat keuntungan”.

Perintah ini diturunkan secara berperingkat-peringkat sebelum arak diharamkan secara terus sehingga hari ini. Allah SWT yang Maha Mengetahui keadaan hamba-Nya menurunkan syariat ini secara berperingkat

25 Surah al-Baqarah (2:219).

26 Surah al-Nisa' (4:43).

27 Surah al-Ma'idah (5:90).

dengan membawa hikmah bahawa setiap pensyariatan itu mengikut kemampuan setiap insan di samping membawa kemaslahatan dengan adil dan telus untuk menjaga kepentingan masyarakat.

Oleh itu, perlu dinyatakan bahawa terdapat perbezaan matlamat keadilan antara hak asasi manusia yang ditinjau dari sudut tasawur Islami<sup>28</sup> dengan hak asasi manusia berdasarkan pemikiran Barat. Matlamat perakuan hak dari perspektif Barat adalah untuk memperkasakan nilai hidup Barat dengan penekanan kepada kepentingan hak berkenaan dan keperluan menyebarluaskannya. Termasuk dalam matlamat mereka juga adalah untuk menjadikan nilai tamadun Barat sebagai sumber sistem sosial dan pembentukan tamadun dunia ini, dengan andaian bahawa hak tersebut muncul dan lahir daripada tamadun Barat itu sendiri. Sebenarnya hak asasi manusia di Barat bukanlah cetusan daripada prinsip undang-undang yang tetap untuk menyelesaikan masalah realiti manusia. Bahkan undang-undang tersebut bukan bermaksud untuk meraih matlamat luhur manusia sejagat.

Keadaan ini berbeza daripada konsep hak dalam syariat Islam. Hak manusia sangat berkaitan dengan tujuan pokok syariat, iaitu untuk merealisasikan *ubudiyah* atau penyembahan makhluk manusia kepada Allah SWT dan melindungi *maqasid al-syariah* yang tersimpul dalam perlindungan terhadap lima kepentingan asas manusia, iaitu melindungi agama, nyawa, akal, nama baik dan harta. Selain itu, tujuan syariat Islam adalah untuk menyempurnakan keperluan yang wujud melalui penggubalan peraturan mengenai hubungan manusia dalam pelbagai bidang muamalat, serta untuk menyempurnakan keperluan *tahsiniyyat*<sup>29</sup> yang melengkapkan dan meningkatkan lagi kualiti kehidupan manusia melalui keutamaan akhlak.

- 
- 28 Tasawur juga bererti menghasilkan rupa sesuatu dalam akal. Pengertian kalimah tasawur berbeza-beza mengikut disiplin ilmu yang tertentu. Tasawur di sisi ahli falsafah bermaksud suatu bentuk pemikiran yang tergambar dalam akal manusia mengenai alam dan kehidupan. Ahli psikologi pula berpendapat bahawa tasawur ialah menggambarkan suatu perkara dalam akal tanpa melihat atau berinteraksi dengannya –<sup>4</sup> Alī al-Qāsimī, Ahmad Mokhtār ‘Umar, Muhyi al-Dīn Sobīr, 1989. *Al-Mu’jam al-‘Arabi al-Asātī*. Tunisia: Lārousse, hlm. 755.
- 29 *Al-tahsiniyat* bermaksud hal-hal yang menjadi tuntutan daripada martabat diri dan akhlak yang mulia untuk mendapatkan kehidupan yang baik. Boleh dikatakan bahawa perkara *tahsiniyat* ialah perkara pelengkap untuk mempunyai kehidupan yang lebih selesa. Contohnya telah disyariatkan prinsip mendekatkan diri kepada Allah dengan melakukan kebaikan-kebaikan yang disunnatkan berupa sedekah dan amalan-amalan baik yang lainnya- Syeikh Muhammad Tohir Bin ‘Asyur. *Maqasid al-Syariah al-Islamiyyah*. 1998. al-Bashair.

## **KEADILAN YANG HENDAK DICAPAI MELALUI PERATURAN KETERANGAN SYARIAH**

Pembuktian melalui keterangan merupakan faktor utama dalam menegakkan keadilan di mahkamah. Hal ini demikian kerana bukti merupakan rujukan utama hakim dalam membuat keputusan dan mengadili suatu hukuman. Peruntukan yang dinyatakan dalam undang-undang keterangan mahkamah syariah ialah:

- (1) bersabit dengan *iqrar*;
- (2) bersabit dengan *qarinah*;
- (3) bersabit dengan pembuktian;
- (4) bersabit dengan keterangan dokumen dan dokumen awam;
- (5) bersabit dengan anggapan tentang dokumen;
- (6) bersabit dengan saksi dan pemeriksaan saksi;
- (7) bersabit dengan hukum syarak dalam undang-undang keterangan mahkamah syariah.

Diperuntukkan juga berhubung dengan rujukan kepada hukum syarak apabila dijelaskan di bawah seksyen 130 (1), iaitu mana-mana peruntukan atau tafsiran peruntukan di bawah enakmen ini yang tidak konsisten dengan hukum syarak adalah tidak sah setakat yang tidak konsisten itu. Jika terdapat lakuna atau jika apa-apa perkara tidak diperuntukkan dengan nyata oleh enakmen ini, mahkamah hendaklah memakai hukum syarak.

Dalam menghayati falsafah pentadbiran keadilan jenayah syariah bagi sesuatu kes yang dibawa ke mahkamah, persaksian seseorang saksi bagi sesuatu keterangan sebagai bukti menyokong atau keterangan yang membawa sabitan merupakan fakta penting bagi seseorang hakim untuk mensabitkan sesuatu kes atau menolaknya.

Dalam kes jenayah, orang yang menjadi saksi itu mestilah mereka yang mempunyai syarat yang cukup selaku seorang saksi yang bertanggungjawab untuk menentukan kedudukan sesuatu kes itu supaya keputusan hakim itu menjadi keputusan yang muktamad dan tidak boleh dipertikaikan kebenarannya.

Saksi bukan sahaja menjadi alat pertimbangan seseorang hakim untuk mensabitkan sesuatu kes atau menolaknya, malah saksi itu juga merupakan kuasa pemutus bagi sesuatu kes kerana keputusan yang dibuat oleh hakim tertakluk pada keterangan saksi dan penilaian hakim terhadap kebenaran atau kepalsuan keterangan yang dibuat oleh saksi itu.

Seseorang saksi yang dipanggil dan dikemukakan ke mahkamah untuk memberikan keterangan daripada pihak pendakwa atau tertuduh, mestilah saksi yang berupaya mempertahankan kebenaran dan menolak kepalsuan.

Saksi itu juga mestilah mempunyai sifat-sifat yang digariskan oleh Allah SWT dan rasul-Nya dalam al-Quran dan hadis supaya tidak berlaku zalim terhadap orang-orang yang dihakimi dan diadili.

Seseorang saksi itu juga tidak boleh menyembunyikan perkara yang dipersaksikannya dan hendaklah menyempurnakan kesaksian mereka semata-mata kerana Allah sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:

“Dan janganlah kamu menyembunyikan perkara yang dipersaksikan itu dan sesiapa yang menyembunyikannya maka sesungguhnya dia adalah orang yang berdosa hatinya.<sup>30</sup>

Firman Allah SWT lagi yang bermaksud:

“Dan hendaklah kamu yang menjadi saksi menyempurnakan persaksian itu kerana Allah semata-mata.”<sup>31</sup>

Dengan itu, mengikut peruntukan hukum syarak, menjadi saksi kepada sesuatu kes itu adalah wajib apabila mereka yang dipanggil menghadirkan diri ke mahkamah untuk menjadi saksi bagi pihak pendakwa atau tertuduh kerana hukumnya fardu ain.

Rukun saksi (*syahadah*) pula tertakluk pada lima perkara:

- (1) Orang yang menjadi saksi.
- (2) Sesuatu perkara yang disaksikan.
- (3) Orang yang akan diberi saksi, iaitu orang yang dibuktikan kebenarannya atau kebohongannya dengan saksi.
- (4) Orang yang mempunyai saksi sama ada daripada pihak pendakwa atau daripada pihak yang didakwa.
- (5) Lafaz atau *sighah* saksi seperti asyhadu (أشهد).

Syarat-syarat saksi: Tujuh syarat orang yang boleh menjadi saksi:

- (1) Orang mukalaf (akil baligh)
- Firman Allah:

Maksudnya: “*dan hendaklah kamu mengadakan dua orang saksi lelaki daripada kalangan kamu*”.<sup>32</sup>

30 Surah al-Baqarah (2:283).

31 Surah al-Talaq (65:2).

32 Surah al-Baqarah (2:282).

- (2) Islam.
- (3) Merdeka.
- (4) Muruah.
- (5) Adil.
- (6) Tidak ada tohmah atas dirinya.
- (7) Tidak menjadi musuh terhadap orang yang didakwa.

Sabda Nabi SAW:

لَا تَحْوِزْ شَهَادَةً خَائِنٍ وَلَا خَائِنَةً وَلَا ذَيْ غُمَرٍ عَلَى أَخِيهِ  
وَلَا تَحْوِزْ شَهَادَةً الْقَانِعَ لِأَهْلِ الْبَيْتِ

Maksud: “Tidak harus dijadikan saksi orang lelaki dan perempuan yang khianat dan tidak harus juga dijadikan saksi orang yang berdendam dalam hatinya (dengki) terhadap saudaranya dan tidak harus pula orang yang tinggal dalam satu rumah bagi orang yang serumah dengan dia.

Keterangan dan bukti dalam kes jenayah syariah yang boleh diperakui dan diterima dalam mahkamah tertakluk di bawah perkara yang berikut:

- (1) *Iqrar* (pengakuan) daripada orang yang didakwa atau yang dituduh itu sendiri.
- (2) Keterangan daripada saksi sama ada daripada pihak pendakwa atau tertuduh.
- (3) Surat-menyurat yang dikemukakan oleh pendakwa dan yang didakwa.
- (4) Peristiwa atau kesan yang menunjukkan dan membuktikan berlakunya sesuatu perkara atau sebaliknya.
- (5) Sumpah yang dilakukan oleh orang yang mengingkari tuduhan dalam kes hak manusia.

## **KONSEP MELINDUNGİ KEAIBAN, PENYIASATAN DAN PENGUATKUASAAN JENAYAH SYARIAH**

Dalam pelaksanaan undang-undang Islam, beberapa perkara perlu diberi perhatian, iaitu berkenaan siasatan, pendakwaan dan hukuman. Setiap perkara ini perlu dijaga dengan sebaik-baiknya agar hukuman yang dilaksanakan adalah adil di samping memberikan pengajaran kepada pelaku dan masyarakat.

33 Riwayat oleh Ahmad dan Abu Daud, hlm. 571.

## Melindungi Keaiban Manusia Ketika Menjalankan Siasatan

Perundangan Islam diturunkan bukan untuk menghukum tetapi untuk mendidik. Oleh sebab itu, Islam amat menitikberatkan perlindungan terhadap insan yang melakukan kesalahan dan membantu ke arah kesedaran. Dalam Islam, keaiban manusia bukan dianggap sesuatu yang perlu diketengahkan, malah harus ditutup serapat-rapatnya, yang juga kerana itu rahmat Allah SWT.

Sabda Rasullullah SAW yang bermaksud:

Maksud: “*Sesiapa menutup aib seseorang muslim, maka Allah akan menutup aibnya di dunia dan akhirat.*<sup>34</sup>

Namun, bukanlah bermaksud bahawa kita menutup aib itu dengan tidak melakukan sebarang tindakan terhadap mereka yang telah melanggar undang-undang syariah. Segala maksiat di sekeliling kita perlu dicegah bagi menjamin keharmonian hidup manusia dan memastikan segala kerosakan dalam masyarakat dapat dicegah. Islam mengajar supaya membenci perbuatan maksiat tetapi tidak kepada pelaku maksiat. Oleh itu, dalam melaksanakan *amr bi al’ma’ruf wa nahyu ‘an al-munkar*, adab dan akhlak sesama Muslim perlulah dijaga dan diamalkan.

Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

Maksud: “*Jauhilah perkara keji yang dilarang oleh Allah SWT. Sesiapa yang melakukannya, hendaklah dia menutupinya dengan tutupan Allah dan bertaubat kepada Allah. Jika sesiapa menampakkan perkara keji (yang dilakukannya) kepada kami, kami akan menjatuhkan hukuman yang diperintahkan oleh Allah SWT*”.<sup>35</sup>

Oleh itu, menjadi tanggungjawab setiap orang muslim untuk melaksanakan tanggungjawab mencegah kemungkaran daripada berleluasa. Ketika menjalankan siasatan terhadap sesuatu kes, adab-adab yang dituntut dalam Islam adalah terpakai.

Dalam *Surah al-Nur* Allah SWT berfirman:

34 Hadis Riwayat al-Tirmizi.

35 Dikeluarkan oleh al-Hakim dalam al-Mustadrak dan beliau berkata: Hadis ini sahibh berdasarkan syarat kedua-dua sheikh (al-Bukhari dan Muslim) dan mereka tidak mengeluarkannya dan hal ini dipersetujui oleh Al-Zahabi.

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَدْخُلُوا بُيوتًا غَيْرَ بُيوتِكُمْ حَتَّى تَسْتَأْنِسُوا  
وَتُسَلِّمُوا عَلَىٰ أَهْلِهَا ۝ ذَلِكُمْ خَيْرٌ لَّكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ

Maksud: "Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu masuk ke dalam mana-mana rumah yang bukan rumah kamu, sehingga kamu lebih dahulu meminta izin serta memberi salam kepada penduduknya; yang demikian adalah lebih baik bagi kamu, supaya kamu beringas".

Apabila menyentuh soal akhlak dan adab dalam muamalat sesama manusia, Islam amat mementingkan saat keizinan ini dengan tujuan bagi menjaga kehormatan dan maruah seseorang Muslim. Oleh itu, adab ini hendaklah diselaraskan dengan prosedur ketika melaksanakan siasatan dan tangkapan kepada pihak berkenaan. Dalam seksyen 57 Akta Prosedur Jenayah Syariah:<sup>37</sup>

... jika daripada maklumat yang diterima atau selainnya seseorang pegawai penguat kuasa agama mempunyai sebab untuk mengesyaki perlakuan sesuatu kesalahan boleh tangkap, melainkan jika kesalahan itu daripada jenis yang telah diarahkan oleh Ketua Pendakwa Syarie tidak perlu dilaporkan kepadanya, dengan serta-merta menghantar satu laporan mengenai maklumat itu kepada Ketua Pendakwa Syarie, dan hendaklah pergi sendiri atau hendaklah mempertanggungjawabkan seorang daripada pegawai bawahannya pergi ke tempat kesalahan itu dilakukan untuk menyiasat fakta dan hal keadaan kes itu dan untuk mengambil apa-apa langkah yang perlu bagi penemuan pesalah itu.

## Penyiasatan

Konsep penyiasatan dalam Islam juga sangat luas dan mencakupi pelbagai perkara sama ada urusan individu atau urusan berkumpulan. Siasatan dalam pentadbiran jenayah syariah sangat penting bagi mengetahui kebenaran sesuatu maklumat yang diberikan. Dalam Akta Prosedur Jenayah Syariah, seksyen 9 ada memperuntukkan bahawa tiap-tiap orang yang mengetahui perlakuan atau niat mana-mana orang lain untuk melakukan apa-apa kesalahan hendaklah dengan serta-merta memberikan maklumat kepada pegawai penguat kuasa agama atau pegawai polis yang terdekat tentang perlakuan atau niat itu.<sup>38</sup>

36 Surah al-Nur (24:27).

<sup>37</sup> Seksyen 57, Akta Prosedur Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997 [Akta 560].

<sup>38</sup> Seksyen 9, Akta Prosedur Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan)1997 [Akta 560].

Dalam al-Quran Allah SWT berfirman:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِنْ جَاءَكُمْ فَاسِقٌ يُنَبِّئُ أَنْ تُصِيبُوْا قَوْمًا بِجَهَالَةٍ<sup>39</sup>  
فَتُصْبِحُوْا عَلَىٰ مَا فَعَلُمُوا نَادِمِينَ

Maksud: “Wahai orang-orang yang beriman, jika seorang fasik datang menemui kamu membawa sesuatu berita, maka selidiklah kebenarannya kerana dikhawatir kamu mengenakan tindakan yang buruk terhadap sesuatu kaum dengan kejahilan dan menyebabkan kamu menyesal terhadap tindakan yang kamu lakukan”.

Ayat ini jelas menunjukkan bahawa setiap maklumat yang diterima daripada orang ramai perlu disiasat terlebih dahulu sebelum membuat pendakwaan dan mengambil tindakan yang selanjutnya terhadap pihak yang berkenaan.

Mensabitkan kesalahan terhadap seseorang yang dituduh, bergantung pada takat siasatan oleh bahagian penguatkuasaan. Takat siasatan perlu melengkapkan elemen seksyen pertuduhan di samping sokongan kepada maklumat yang didapati semasa tindakan pemeriksaan dibuat semasa operasi penyiasatan.

Hal ini demikian kerana konsep jenayah syariah yang dikategorikan sebagai jenayah tanpa mangsa ini boleh mengundang rasa benci pihak yang berkenaan apabila urusan peribadi mereka disiasat dan diintip. Oleh itu, suatu kewajipan bagi pihak penguat kuasa Jabatan Agama Islam untuk mematuhi segala peraturan dan adab yang telah digariskan bagi mengelakkan sebarang tanggapan negatif yang akan menjelaskan imej pihak penguatkuasaan dan pendakwaan undang-undang syariah.

Oleh sebab itu, sangat penting bagi seseorang pegawai penguat kuasa agama memahami prosedur dalam melaksanakan operasi dan siasatan kes jenayah syariah. Untuk tujuan pemahaman, garis panduan telah tersedia seperti Arahan Tetap Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri [JAIN] 2007 dan sebagainya dengan harapan penguat kuasa tersebut melaksanakan tanggungjawab dengan penuh beretika dan mengamalkan akhlak Islam.

## Pendakwaan

Dari sudut pendakwaan, garis panduan juga telah disediakan seperti yang terdapat dalam Akta Prosedur Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan)

39 Surah al-Hujurat (49:6).

1997, serta arahan ketua pendakwa syarie yang turut menyentuh perkara asas mengenai proses mengkaji fail kes dan sebutan di mahkamah. Pada bahagian pendakwaan, pemahaman terhadap kandungan akta atau enakmen itu sendiri ditekankan kerana ruang skop kuasa dan tindakan sebenarnya berdasarkan akta atau enakmen tersebut. Kandungan akta dan enakmen ini memberikan penjelasan ringkas, kefahaman dan gambaran awal tentang tugas dalam penguatkuasaan dan pendakwaan undang-undang jenayah syariah.

## KONSEP HUKUMAN DALAM ISLAM

Hukuman dalam Islam yang dikenakan terhadap penjenayah bertujuan untuk memelihara kemaslahatan manusia sejagat dan menghindari kejahatan (*mafsadah*) baik di dunia maupun di akhirat. Tujuan tersebut hanya dapat tercapai melalui penguatkuasaan undang-undang Islam. Selain itu, tujuan utama adalah untuk mendidik manusia menjadi insan kamil yang bermanfaat kepada dirinya sendiri, alam sejagat dan mencegahnya daripada mengulangi kejahatan yang sama selain melindungi *maslahah* umum, masyarakat dan negara.

Antara matlamat yang ingin dicapai dalam konsep hukuman dalam Islam termasuklah:

### Pembalasan

Pembalasan membawa kebaikan dan bukannya penderitaan. Dengan pembalasan diharap akan dapat menghalang pihak daripada melakukan jenayah seterusnya. Sesuai dengan konsep ini Allah SWT berfirman:

وَجَرَاءُ سَيِّئَةٍ سَيِّئَةٌ مِثْلُهَا ۖ فَمَنْ عَفَا وَأَصْلَحَ فَأَجْرُهُ عَلَى اللَّهِ ۝  
إِنَّهُ لَا يُحِبُّ الظَّالِمِينَ ۝<sup>40</sup>

Maksudnya: “Dan (jika kamu hendak membalaas maka) balasan sesuatu kejahatan ialah kejahatan yang bersamaan denganannya”

Unsur pembalasan ini dinyatakan dengan tegasnya dalam undang-undang jenayah Islam seperti yang terdapat dalam al-Quran, antaranya Allah SWT berfirman:

وَالسَّارِقُ وَالسَّارِقَةُ فَاقْطَعُو أَيْدِيهِمَا جَزَاءً بِمَا كَسَبَا نَكَالًا مِنَ  
اللَّهِ ۝ وَاللَّهُ عَزِيزٌ حَكِيمٌ<sup>41</sup>

40 Surah al-Syura (42: 40)

41 Surah al-Maidah (5: 38)

Maksudnya: “*Dan orang lelaki yang mencuri dan orang perempuan yang mencuri maka (hukumnya) potonglah tangan mereka sebagai satu balasan dengan sebab apa yang mereka telah usahakan, (juga sebagai) suatu hukuman pencegah daripada Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana*”.

Islam turut menegaskan bahawa pembalasan itu mestilah setimpal dan sepadan dengan apa-apa yang dilakukan, umpamanya dalam hukuman qisas orang yang membunuh dengan sengaja tanpa hak akan dikenakan qisas, iaitu dibunuh balas sebagai balasan atas perbuatannya. Hukuman itu sendiri merupakan pembalasan yang dikenakan terhadap penjenayah kerana menceroboh kepentingan orang lain. Unsur pembalasan dapat mengubat, menghilangkan rasa dendam dan menuntut bela oleh pihak yang disakiti, kerana pesalah telah membayar ganti rugi dalam bentuk hukuman yang diterima daripada pengadilan undang-undang syariah.

## Pencegahan

Islam juga telah meletakkan unsur pencegahan sebagai matlamat penting dalam menjaga kemaslahatan manusia dan alam sejagat. Pencegahan yang universal akan dapat mencegah sebelum jenayah dilakukan atau setelah dilakukan. Hukuman itu dapat memberikan pengajaran kepada orang lain daripada menirunya.

Hukuman secara amnya untuk mencegah perbuatan jenayah yang sama daripada berulang, dan apa yang telah berlaku hanyalah melibatkan seorang individu, manakala kesalahan yang serupa mungkin melibatkan semua. Mencegah kesalahan daripada berulang merupakan langkah yang sangat penting. Oleh itu, hukuman yang dikenakan terhadap pesalah menjadi pencegah yang paling efektif sebelum jenayah dilakukan dan menjadi deraan selepas melakukannya. Maka hukuman itu sebagai penguatkuasaan yang akan menghalang daripada berlakunya jenayah. Deraan tersebut dapat menghalangnya daripada mengulangi perbuatan itu.

## Pemulihan dan Pendidikan

Hukuman yang terdapat dalam undang-undang Islam bukanlah bermotifkan penyeksaan dan balas dendam, sebaliknya bermatlamatkan *ta'dib* (pengajaran dan pendidikan) serta *istislah* (pemulihan dan pembaikan).

Jika dilihat bentuk hukuman takzir, hukuman ini dapat memulihkan jiwa yang sakit untuk kembali normal, kerana jiwa yang sakit jika dibiarkan akan

merebak dan dapat menjangkiti orang lain. Oleh itu, rawatan dan pemulihan haruslah diberikan bagi menjamin keamanan dan kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat. Perlu ditekankan bahawa konsep hukuman dalam Islam merupakan matlamat hukuman untuk menyelamatkan dan membaik pulih, seperti seorang doktor yang telah membuat pemeriksaan yang teliti terhadap pesakit, maka didapati tiada cara lain yang dapat menyelamatkannya kecuali dengan memotong sebahagian kecil daripada anggota badannya.

## Melindungi Kemaslahatan Awam

Matlamat hukuman dalam Islam bertujuan melindungi *maslahah* manusia agar terhindar daripada kerosakan dan kebinasaan. Dalam konteks melindungi *maslahah* awam, hal ini berkaitan rapat dengan tiga perkara utama, iaitu:

- (1) *Maslahah daruriyyat*, iaitu memelihara keperluan asas.
- (2) *Maslahah hajiyah*, iaitu memelihara kepentingan manusia dalam memenuhi keperluan sampingan.
- (3) *Maslahah tahsiniyah*, iaitu memelihara keselesaan dan keharmonian serta keceriaan hidup.

Walau bagaimanapun, kaedah perundangan Islam meletakkan *maslahah daruriyyat* sebagai paling utama dalam susunan *maslahah*. *Maslahah daruriyyat* merupakan perkara asas dalam kehidupan manusia, dan dapat dibahagikan kepada lima perkara, iaitu:

- (1) Memelihara agama - untuk tujuan itu Islam melaksanakan hukuman hudud (bunuhan) terhadap orang yang murtad.
- (2) Memelihara diri - untuk tujuan itu Islam mengenakan hukuman qisas terhadap pembunuh yang melakukan pembunuhan dengan sengaja.
- (3) Memelihara harta benda - untuk tujuan itu hukuman potong tangan terhadap pencuri bagi melindungi dan memelihara harta benda.
- (4) Memelihara keturunan - Islam mengenakan hukuman rejam dan sebatan terhadap penzina *muhsan* dan tidak *muhsan* agar keturunan terpelihara.
- (5) Memelihara akal- hukuman sebat terhadap peminum arak bagi tujuan menjaga akal fikiran.

Sesungguhnya mencari matlamat dan menghindari kemudaratan merupakan tujuan hidup manusia. *Maslahah* manusia akan tercapai melalui pencapaian tujuan hidup manusia. Yang dimaksudkan dengan *maslahah* ialah menjaga perkara yang menjadi tuntutan syarak terhadap manusia, iaitu lima perkara yang telah disebutkan tadi, iaitu memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan memelihara harta benda.

## **Mewujudkan Keadilan**

Hukuman yang dilaksanakan bertujuan mewujudkan keadilan kepada manusia bagi menjamin kebahagiaan hidup, keadilan dalam menjalankan hukuman bagi menghasilkan kemakmuran dan kedamaian dalam masyarakat.

Tujuan hukuman dalam Islam juga adalah untuk menjamin tertegaknya keadilan. Perkara ini dapat dilihat daripada beberapa sudut, antaranya termasuklah:

- (1) Setiap hukuman mestilah mempunyai peruntukan dalam syariah, supaya tidak terkeluar daripada batasan yang ditentukan oleh syarak.
- (2) Syarak mensyaratkan setiap manusia memikul dosanya sendiri, dan tidak boleh ditanggung oleh orang lain.
- (3) Pembalasan haruslah sesuai dengan kesalahan yang dilakukan.
- (4) Semua orang mendapat hak yang sama di sisi undang-undang, tanpa mengira pangkat, kedudukan dan kekayaan.

Antara ciri hukuman yang dianggap sebagai asas untuk menjamin tertegaknya keadilan ialah:

- (1) Hukuman mestilah dapat menghalang orang lain daripada melakukan jenayah dengan mengenakan hukuman yang berat, tetapi dalam batas keadilan.
- (2) Mestilah ada kesesuaian antara hukuman dengan jenayah yang dilakukan. Hukuman yang tidak sesuai haruslah dielakkan.
- (3) Mestilah mendatangkan kemakmuran dan kesejahteraan kepada masyarakat.
- (4) Mesti dilaksanakan sepenuhnya bagi memastikan tiada siapa yang terlepas daripada sebarang hukuman atas kesalahannya.

## KESIMPULAN

Sesungguhnya undang-undang syariah ini dicipta oleh Allah SWT dalam melaksanakan segala undang-undang yang telah diturunkan buat seluruh manusia ini, maka, menjadi satu kemestian untuk memahami setiap pensyariatan yang telah ditetapkan serta merealisasikannya dengan melaksanakan dan menguatkukan undang-undang syariah ini. Yang paling penting dan mustahak bagi kita umat Islam adalah untuk mempertahankan dan mengikut kebenaran (الحق) dan mengelakkan serta menjauhi ikutan hawa nafsu.

Firman Allah SWT dalam *Surah al-Mukminun* ayat 71 yang bermaksud:

Maksud: “*Sekiranya kebenaran (al-haq) mengikut arahan hawa nafsu nescaya akan rosak binasalah langit dan bumi dan mereka yang ada di dalamnya*”.

Oleh itu, keperluan memulakan langkah dengan satu teori yang jelas terhadap inti pati agama dan tabiatnya sangat penting bagi memastikan pelaksanaan undang-undang syariah di negara ini dapat diterima masyarakat. Sebilangan besar penduduk Islam pada hari ini mendominasi dunia, tetapi bilangan yang betul-betul memahami agama masih sedikit. Selain usaha membina kefahaman berkenaan syariah, menjadi tanggungjawab pada peringkat pelaksana undang-undang itu sendiri untuk melaksanakan tugas dengan sebaik-baiknya, dengan mengikuti segala prosedur yang ditetapkan dan mengamalkan penerapan nilai Islami pada setiap amalan.

## RUJUKAN

- Abdul Qadir Audah, t.t. *Al-Tasyri’ al-Jinaiy al-Islamiy*. Beirut: Dar al-Kitab al-Arabi.
- Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah)1965 pindaan 1984.
- Akta Prosedur Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan )1997 [Akta 560]
- Al-Buraey, Muhammad A, 1998. *Administrative Development: An Islamic Perspective*. London: Kegan Paul International.
- Alī al-Qāsimī, Ahmad Mokhtār ‘Umar, Muhyi al-Dīn Sobīr, 1989. *Al-Mu‘jam al-‘Arabi al-Asāṣī*, Tunisia: Lārousse.
- Al-Thabari, 1954. *Jami’ Al Bayan*. Cetakan kedua. Kaherah: Dar Al Ma’arif.

Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Kelantan 2002).

Al-Tirmizi, al-Jami' al-sahih, ed. Ahmad Muhammad Shakir, Muhammad Fu 'ad 'Abd al-Baqi, and Ibrahim 'Atwah 'Iwad, 5 vols. (Cairo, 1937-1965).

Sunan Abu Daud, 1984. *Kitab al-Nikah*. Diterjemah oleh Ahmad Hasan. Hadis No. 2126. Jilid 2, Lahore: Sh. Muhammad Ashraf.

Ibn Khaldun, 1970. *Al-Mugaddimah*. Beirut: Dar al-Qur'an.

Kamal Salamah al-Diqs, 1994. *Dawlah al-Rasul min al-Takwin ila al-Tamkin*. `Amman: Dar 'Ammar.

Muhammad Noor Haji Ibrahim, Abdullah Basmeh, 2010. *Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Qur'an (30 juzuk)*. Kuala Lumpur: Darul Fikir.

Perlembagaan Persekutuan.

Sayyid Qutb, 1975. *Masyarakat Islam*. Bandung: PT al-Ma'arif.